

REKAAN DAN KONSEP RUANG RUMAH KEDAYAN TRADISIONAL

THE DESIGN AND CONCEPT OF HOME SPACE KEDAYAN TRADITIONAL HOUSE

Mohd Nor Firdaus Bin Minor^{1*}
Zaimie Sahibil²

^{1 & 2}*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif
Universiti Malaysia Sabah, 88100, Sabah, MALAYSIA*

firdauss1571@gmail.com*

Dihantar/Received: 28 Oct 2023 / Penambahbaikan/Revised: 15 Jan 2024

Diterima/Accepted: 20 Jan 2024 | Terbit/Published: 26 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.5179>

ABSTRAK

Penulisan ini adalah berkaitan dengan konsep ruangan rumah tradisional untuk masyarakat Kedayan. Kajian ini juga mengandungi susun atur dan penggunaan ruangan yang ada pada rumah tradisional ini. Rumah Kedayan tradisional ini dibina dengan sangat sederhana dengan reka bentuk yang ringkas sekadar cukup untuk dijadikan sebagai tempat perlindungan berdasarkan gaya hidup masyarakat Kedayan yang sederhana. Pada pandangan pengkaji meski rekaan rumah tradisional ini dibina dengan ringkas namun pengkaji mendapati bahawa terdapatnya keunikan tentang bagaimana masyarakat mengatur penggunaan ruangan yang terhad pada rumah tradisional ini dengan baik untuk memenuhi keperluan dan berlandaskan konsep budaya hidup sehari-hari. Maka dari itu, pengkaji ingin melanjutkan kajian dengan lebih mendalam dan menganalisis mengenai konsep ruangan rumah Kedayan tradisional ini.

Kata kunci: Konsep ruang, rekaan ruang, rumah tradisional, masyarakat Kedayan, konsep budaya.

ABSTRACT

This writing is about the concept of traditional home room for ethnic Kedayan. This study also contains the layout and use of the rooms available in this Kedayan Traditional house. Kedayan traditional house is built simply with a simple design that is just enough to serve as a shelter that is based on Kedayan average life style. In the researcher's point of view, although the design of this traditional house was built simply, the researcher found out that there is a uniqueness about how the Kedayan people organizes the use of the limited room space in this house well and satisfy the needs for daily life use based on their culture. Therefore, the researcher wants to continue this study and analyze the concept of this Kedayan traditional house.

Keywords: concept of traditional home room, design of home room, traditional house, Kedayan, culture concept.

PENGENALAN

Rumah merupakan asas kehidupan yang penting kepada manusia sebagai tempat berteduh atau berlindung dari bahaya seperti, haiwan berbahaya dan keadaan cuaca yang ekstrim. Manakala rumah tradisional pula bermaksud rumah atau kediaman yang mengikut atau mengekalkan ciri reka bentuk bagi kumpulan sesebuah etnik tertentu pada waktu dahulu sebelum kedatangan pengaruh rekaan rumah moden.

Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh (1997) menjelaskan bahawa rumah mempunyai dua konsep iaitu dari segi fizikal rumah yang bersifat melindungi keselamatan dari segala ancaman yang berbahaya dan merupakan tempat untuk melakukan aktiviti atau pekerjaan seharian. Konsep dari fizikal ini juga membawa maksud terhadap kelahiran, kehidupan dan juga kematian. Manakala konsep yang kedua pula ialah konsep psikologi, konsep rumah dari segi psikologi ini memberikan perasaan ketenangan dan harmoni apabila berada didalam rumah.

Didalam sesebuah rumah semestinya mempunyai ruangan didalamnya yang mempunyai pelbagai kegunaan mengikut keperluan pemiliknya. Ruangan ini pada dasarnya merupakan hasil daripada sebuah pengepungan misalnya dinding-dinding rumah yang didirikan secara mengelilingi untuk mewujudkan sebuah ruangan dan menjadikan dinding-dinding rumah ini sebagai penutup atau sempadan. Hal ini merujuk daripada hasil penulisan oleh Zulkifli Hanafi (1986) yang menjelaskan bahawa bentuk, ruang dan juga struktur ini merupakan suatu yang saling berkaitan. Hal ini kerana, ruang tidak terwujud jika tanpa adanya struktur-struktur yang mengepung dan struktur tersebut juga akan mewujudkan sebuah bentuk.


Selain daripada kepungan dinding yang menjadikan ruangan itu wujud secara nyata, keberadaan suatu objek didalam ruangan itu juga akan mewujudkan sebuah ruangan yang baharu secara tidak langsung. (Francis D.K. Ching, 2001) ruang mempunyai bentuk penegas yang bertujuan untuk mewujudkan atau mengklasifikasikan suatu ruangan tersebut pada suatu ruangan kosong dengan kehadiran sesuatu objek.

LATAR BELAKANG

Menurut Amde Sidik (2008), rumah tradisional Kedayan ini umumnya dibina dengan ringkas sahaja. Terdapat ruang tamu, bilik tidur, bilik stor dan dapur pada ruangan rumah berkenaan. Selain itu, etnik Kedayan lazimnya akan mendirikan rumah mereka disekitar tanaman pokok buah-buahan.

Rumah Kedayan Tradisional ini dibina dengan menggunakan bahan-bahan yang berasal dari kawasan sekeliling penempatan mereka. Penggunaan batang-batang pokok dijadikan sebagai rangka rumah dan batang pokok ini digunakan sehabis baiknya dengan menggunakan kulit dari pokok berkenaan dijadikan sebagai lapisan dinding rumah. Manakala untuk bahagian bumbung pula menggunakan daun nipah dan rumbia. Penggunaan rotan dan akar pokok sebagai alat pengikat untuk mencantumkan rangka-rangka rumah.

Rumah tradisional bagi masyarakat Kedayan ini dibina dengan reka bentuknya yang dipengaruhi oleh gaya hidup mereka pada waktu dahulu. Rata-rata masyarakat Kedayan berkerja sebagai petani dan melakukan beberapa pertukangan kayu untuk hasil pendapatan mereka dan menjadikan mereka sebagai golongan masyarakat sederhana dari segi ekonomi yang mempengaruhi rekaan rumah mereka yang ringkas dan sederhana. Namun kesederhanaan rekaan rumah tersebut menjadikan masyarakat Kedayan lebih kreatif dalam cara menggunakan setiap ruangan rumah yang terhad dengan sebaik mungkin



Rajah 1: Reka Bentuk Rumah Kedayan Tradisional

Ruangan untuk rumah tradisional masyarakat Kedayan ini terbahagi kepada dua ruangan secara kasarnya iaitu ruang dalam dan juga ruang luar. Kedua ruangan ini mempunyai sifat yang berbeza dan ini dijelaskan oleh Mangunwijaya (1995) yang menyatakan ruang bagi sebuah rumah terbahagi kepada dua komponen utama iaitu ruang dalam dan ruang luar. Ruang dalam merupakan ruang yang berada didalam rumah yang bersifat pribadi tanpa ada gangguan dari luar. Manakala ruang luar adalah ruang yang berada diluar ruang dalam yang dipisahkan oleh dinding rumah dan bersifat lebih sosial dengan keadaan sekeliling.

MASYARAKAT KEDAYAN

Masyarakat Kedayan merupakan salah satu kaum yang terdapat di kepulauan Borneo khususnya di Brunei dan Malaysia. Kumpulan masyarakat Kedayan di Sabah boleh ditemukan di daerah Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Papar. Manakala di negeri Sarawak pula, kumpulan masyarakat ini boleh ditemui di sekitar daerah Lawas, Limbang, Miri, Sibuti dan Bintulu. Selain itu, terdapat juga sekumpulan besar masyarakat Kedayan yang mendiami wilayah Labuan. Asal usul masyarakat Kedayan ini menurut Shariffudin (1970) terjadi apabila Sultan Kerajaan Brunei iaitu Sultan Bolghiah datang ke Tanah Jawa dan membawa pulang beberapa penduduk disana yang rajin dan mahir dalam bidang pertanian untuk bercucuk tanam serta mencantikan landskap di kerajaan beliau. Hal ini terjadi dikeranakan oleh pemandangan di Tanah Jawa yang dilihat indah dan memperpesona akan kehijauan yang dipenuhi dengan sawah padi, tanaman-tanaman dan pokok-pokok subur dengan buah-buahan diserata tanah Jawa dan beliau berhasrat untuk turut menjadikan kerajaan Beliau terlihat indah dengan kehijauan tanaman diserata kawasan Kerajaan Brunei. Manakala, menurut Normala Othman (2016), masyarakat Kedayan ini berasal daripada kerajaan Brunei yang suatu ketika dahulu merupakan sebuah kerajaan yang besar di kepulauan Borneo ini. Maka dari itu tidak hairanlah mengapakan masyarakat Kedayan ini bertebaran dan hidup di Malaysia khususnya berhampiran sekitar negara Brunei. Manakala itu, dari segi gaya hidup masyarakat Kedayan ini lebih tertumpu kepada pertanian dan ini juga secara tidak langsung menjadikan ianya sebagai sumber utama ekonomi mereka. Namun secara telitinya asal usul Kedayan ini masih lagi didalam perdebatan untuk mencari kebenarannya, tetapi rata-rata kajian yang telah dijalankan menyimpulkan bahawa masyarakat Kedayan ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kerajaan dan masyarakat Brunei pada waktu dahulu.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam kajian ini memfokuskan mengenai ruangan rumah tradisional bagi masyarakat Kedayan. Pada kajian ini akan memfokuskan dari segi rekaan ruang, fungsi dan konsep ruang yang ada pada rumah tradisional ini. Tujuan pengkaji membuat kajian mengenai ruangan rumah ini adalah ada untuk merungkai bagaimanakah rekaan ruangan dan fungsinya mengikut gaya hidup masyarakat Kedayan serta apakah setiap ruangan rumah ini mempunyai konsepnya yang tersendiri berdasarkan budaya masyarakat Kedayan.

Manakala untuk ruangan rumah Kedayan tradisional ini mempunyai rekaan ruang yang membahagikan atau mengasingkan ruang dengan dua kaedah iaitu dengan penggunaan dinding yang digunakan secara lazimnya dan yang kedua pula ialah dengan rekaan paras lantai yang berbeza ketinggian mengikut ruangan. Hal ini adalah sama seperti rumah Melayu tradisional yang ditulis oleh Gurupiah Mursib dan Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi (2016), yang mana pengasingan ruang pada rumah Melayu khususnya hanyalah berdasarkan dengan perubahan aras ketinggian pada ruangan berkenaan. Begitu juga dengan penggunaan selang, bendul dan dinding separuh yang dijadikan sebagai pengasingan ruang didalam rumah Melayu.

Kajian ini akan memperjelaskan bagaimana masyarakat Kedayan mengatur penggunaan ruangan rumah tradisional yang dibina dengan sederhana dan mempunyai ruangan yang terhad. Sebagai contoh dalam penulisan Zulkifli Hanafi (1985) menyatakan ruangan dalam rumah tradisional Melayu selalunya memenuhi fungsi disetiap bahagian ruang. Fungsi setiap ruang boleh berubah-ubah mengikut keperluan semasa, misalnya ruang serambi yang berfungsi untuk menerima atau menyambut tetamu juga boleh digunakan sebagai tempat tidur pada waktu malam khususnya bagi kaum lelaki sahaja atau pun boleh berfungsi sebagai tempat mengadakan kenduri kendara.

Pentingnya penulisan mengenai rumah tradisional ini bukan sahaja untuk mengetahui tentang kepintaran orang terdahulu dalam ilmu seni bina namun ianya juga dapat menjadi pembelajaran mengenai gaya hidup masyarakat terdahulu. Hal ini juga ada dinyatakan dalam penulisan A.Ghafar Ahmad (2010) menyatakan sebuah bentuk, ruang dan juga susun atur sebuah reka bentuk dan ruangan menggambarkan tentang sejarah kehidupan orang terdahulu. Hasil daripada ketiga perkara tersebut membolehkan kita untuk mengenali peradaban orang terdahulu serta mencetuskan sentimen dan semangat jati diri yang kuat.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi tambahan ilmu pengetahuan kepada orang ramai dan juga masyarakat Kedayan khususnya agar generasi akan datang dapat mengetahui sedikit sebanyak sejarah rumah tradisional nenek moyang terdahulu.


METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan metodologi kualitatif yang terdiri daripada dua kaedah iaitu pengumpulan data primier dan sekunder. Pengumpulan data primier dilaksanakan dengan lawatan kajian untuk melakukan pemerhatian kepada subjek kajian dan seterusnya melakukan temu bual terhadap beberapa individu yang berpengetahuan mengenai subjek kajian. Seterusnya, pengumpulan data sekunder pula dijalankan dengan membuat pembacaan terhadap penulisan-penulisan terdahulu yang berkaitan sebagai rujukan untuk memperkuat penulisan kajian ini.

Kajian ini dilakukan secara lapangan untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih banyak dengan melakukan pemerhatian pada rumah-rumah Kedayan tradisional dan membuat sedikit perbandingan dengan rumah masyarakat Kedayan kini samaada masih menggunakan rekaan tradisional atau rekaan rumah yang sudah diubahsuai rekaannya dalam reka bentuk rumah yang lebih moden untuk dianalisis.

Manakala, pengkaji juga melakukan temu bual kepada beberapa individu yang berkaitan dan menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur ini akan lebih memberikan kelebihan kepada pengkaji dari segi memperolehi data maklumat dengan cara lebih mudah untuk difahami. Hal ini dikeranakan kebebasan dalam temu bual yang bersifat lebih santai ini akan memberikan responden perasaan yang tenang tanpa tekanan untuk memberikan jawapan dan ulasan. Hasil daripada kaedah temu bual yang bersifat terbuka ini memungkinkan untuk responden untuk menceritakan dan berkongsi pengalaman peribadi yang boleh dijadikan sebagai maklumat tambahan (James H. Mc Milan, 2012).


REKAAN DAN KONSEP RUANG RUMAH KEDAYAN TRADISIONAL



Rajah 2: Plan Lantai Rumah Kedayan Tradisional

Rajah 2 menunjukkan plan lantai bagi rumah Kedayan tradisional yang terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu *Pantaan*, *Indung Umah* dan *Suambi*. Bahagian pertama iaitu *Pantaan* merupakan ruangan yang berada paling hadapan rumah yang direka secara terbuka seperti yang tertera pada rajah. Manakala pada bahagian kedua pula ialah *Indung Umah* yang mana didalamnya terdapat lagi dua ruangan yang berbeza iaitu *Paluaan* dan bilik. Akhir sekali, bahagian yang ketiga iaitu *Suambi* sebagai dapur rumah.

Diantara ketiga bahagian ruangan ini mempunyai sifat dan kegunaan yang tersendiri, misalnya *Pantaan* dengan reka bentuk yang terbuka dan mempunyai sifat yang juga terbuka untuk kegunaan sosial. Bahagian pada ruang *Indung Umah* pula yang merupakan ruang tertutup dan bersifat fleksibel kegunaannya. Manakala untuk ruang *Suambi* pula yang juga ruang tertutup mempunyai sifat yang berlawanan dengan *Indung Umah* yang mana ruangan ini mempunyai kegunaannya yang tetap tidak berubah-ubah.




Rajah 3 : Ruang *Pantaan*

Rajah 3 merupakan bahagian ruang *Pantaan* yang reka bentuknya yang tidak berdinging dan hanya mempunyai pagar-pegar disekelilingnya yang menjadikan ianya sebagai ruang terbuka pada rumah tradisional ini. Paras lantai bagi ruangan ini dibina dengan lebih rendah berbanding dengan ruangan lainnya yang mempunyai dua utama iaitu sebagai penanda atau sempadan suatu ruangan dengan yang lainnya dan juga agar tiupan angin tidak membawa debu-debu dan kotoran memasuki kedalam ruangan rumah yang paras lantainya lebih tinggi.

Dari segi kegunaannya sebagai ruang perantaraan diantara ruang kawasan luar dan dalam rumah, ruang ini menjadi tempat untuk menyambut dan melayani tetamu yang tidak mempunyai pertalian saudara. Hal ini adalah untuk menjaga nilai privasi bahagian dalam rumah dan juga untuk ahli keluarga yang lain terutamanya untuk ahli keluarga perempuan.


Pantaan ini juga merupakan salah satu indentiti rumah tradisional masyarakat Kedayan yang berada pada bahagian hadapan rumah yang mempunyai kegunaan yang fleksibel dan ruang perantaraan antara kawasan luar dan dalam rumah. Menjadikan ruangan ini tempat untuk beristirahat dan tempat melakukan beberapa perkerjaan ringan misalnya pertukangan kayu, ukiran dan menganyaman yang menjadi kegiatan utama masyarakat Kedayan sehari-hari ketika berada dirumah.



Rajah 4 : Ruang *Paluaan*

Rajah 4 diatas iaitu *Paluaan* yang merupakan salah satu daripada dua ruangan yang ada pada bahagian *Indung Umah* adalah ruang utama yang ada pada rumah ini. Ruangan yang menjadi ruang utama rumah ini mempunyai bukaan ruangan yang lebih luas berbanding dengan ruangan lainnya dan membolehkan penggunaan ruangan dapat digunakan dengan pelbagai. Rekaan ruangan ini juga dilengkapi dengan dua jendela pada bahagian belakang dan satu pada bahagian hadapan yang dapat memberikan kemasukkan pengudaraan yang secukupnya dan memberikan kenyamanan untuk penghuni didalamnya ditambah lagi dengan bukaan ruangan atas yang tinggi dan tidak berloteng.


Berbeza pula apabila menerima kunjungan daripada saudara mara terdekat yang datang, ruangan *Pantaan* ini sudah semestinya menjadi tempat untuk meraikan kedatangan mereka namun ruangan ini secara tidak langsung boleh dimasuki dan berkongsi kegunaan ruangan seperti beristirehat, menumpang tidur pada waktu malam, makan bersama dan sebagainya. Namun terdapat juga beberapa situasi yang menjadikan ruangan ini boleh menerima tetamu luar misalnya apabila bila mengadakan sebarang keramaian atau pun kenduri kendara dilakukan pada ruangan ini sebagai tempat makan bersama tetamu yang datang.



Rajah 5: Plan Lantai Ruang Paluaan

Rajah 5 memperlihatkan pembahagian ruangan *Paluaan* kepada empat bahagian yang masing-masing daripadanya mempunyai peranan tersendiri. Bahagian ruang 'C' merupakan ruang masuk dan tidak sesuai untuk dijadikan sebagai tempat untuk melakukan sebarang aktiviti kerana akan mengganggu laluan keluar masuk. Begitu juga dengan bahagian ruang 'D' yang merupakan ruangan yang menjadi laluan untuk ke ruang *Suambi*. Melakukan sebarang perkara atau meletak sesuatu pada ruang laluan akan menyukarkan dan menjadi larangan untuk masyarakat Kedayan.


Manakala bahagian 'B' pula adalah ruang yang bersifat bebas dikeranakan ruang ini tidak menjadi ruang perantaraan dengan ruangan yang lain dan ruang ini sesuai untuk melakukan sebarang kegiatan seperti tempat makan keluarga dan juga tempat tidur pada waktu malam. Akhir sekali, bahagian 'A' ini secara tidak langsung bersifat lebih peribadi berbanding dengan bahagian ruang yang lainnya dikeranakan keberadaannya yang berada berhadapan dengan laluan masuk ke ruangan bilik dan ruangan ini juga dapat dijadikan sebagai ruangan tidur pada waktu malam sama seperti bahagian 'B'.



Rajah 6 :Bilik


Rajah 5 Merupakan Ruangan bilik ini adalah tempat untuk tidur bagi ketua ahli keluarga dan anak perempuan secara khususnya. Namun ruang ini juga menjadi tempat yang paling privasi bukan kerana ianya adalah tempat untuk tidur tetapi ianya juga tempat untuk menyimpan barang-barang peribadi seperti pakaian dan harta benda berharga. Manakala untuk anak lelaki pula akan menjadikan ruangan *Paluaan* sebagai tempat tidur pada waktu malam.

Manakala untuk bilangan bilik pada rumah ini bergantung kepada tahap kemampuan untuk menyediakan bilik untuk setiap ahli keluarga. Terdapat juga rumah-rumah masyarakat Kedayan yang tidak mempunyai bilik dan menjadikan ruangan *Paluaan* sebagai tempat tidur pada waktu malam. Hal ini dikeranakan oleh masyarakat Kedayan pada waktu dahulu merupakan golongan masyarakat sederhana yang hidup sebagai petani secara puratanya sebagai sumber ekonomi mereka.




Rajah 7 : Ruang *Suambi*

Rajah 6 adalah ruang *Suambi* yang dibina dengan sedikit lebih rendah paras lantainya berbanding dengan ruangan isi rumah yang lainnya. Paras lantai yang lebih rendah ini menjadi penanda sempadan diantara ruangan secara menyeluruh meskipun terdapatnya dinding yang menutupi sebahagian ruang *Suambi* ini. Manakala ketinggian rekaan dinding luaran pada *Suambi* juga turut lebih rendah dan memberikan bukaan pada bahagian atas yang mana ianya dapat memberikan kemasukkan aliran udara yang lebih serta memudahkan udara dari dalam keluar terutamanya gumpulan asap ketika sedang memasak.



Rajah 8 : Ruang *Suambi*

Secara terperinci, ruangan *Suambi* ini terbahagi kepada dua bahagian secara tidak langsung oleh rekaan dinding yang menutupi sebahagian ruangan ini. Bahagian ruangan (A) yang merupakan ruang tempat untuk memasak dan menyimpan perkakas dapur atau dapat diistilahkan sebagai dapur basah. Dengan adanya dinding yang menutupi bahagian ini dapat mengurangkan asap atau bau-bauan ketika memasak memasuki ruangan isi rumah lainnya. Manakala pada bahagian ruangan (B) atau sebagai dapur kering yang menjadi tempat untuk menyediakan atau membersihkan bahan-bahan masakan. Pada bahagian ruangan ini juga merupakan tempat untuk menyimpan pelbagai peralatan misalnya peralatan pekerjaan.



Rajah 9 : Bawah Rumah

Akhir sekali, Rajah 9 adalah ruang bawah rumah yang merupakan ruang terbuka yang mana selain menjadi laluan udara, ruang bawah ini terbahagi secara tidak fizikal kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah dibawah *Indung Umah* secara lazim akan dijadikan sebagai tempat untuk reban haiwan ternakan dan juga tempat penyimpanan pelbagai barangan mahupun peralatan pekerjaan. Namun kegunaan pada ruang ini adalah mengikut kehendak dan keperluan penghuni rumah tidak ditetapkan secara spesifik kegunaannya.

Bahagian kedua ialah ruangan bawah *Suambi* yang tidak diperbolehkan digunakan untuk apa jua tujuan. Hal ini dikarenakan ruang pada bahagian ini dianggap kotor kerana ianya merupakan tempat jatuhnya sisa-sisa kotoran dari ruang dapur dan ruangan bawah ini juga disebut sebagai *Palacahan*.

KESIMPULAN

Penggunaan reka bentuk rumah tradisional masyarakat Kedayan pada masa kini meski sudah tidak lagi banyak digunakan, namun dari segi konsep penggunaan ruangnya masih lagi digunakan sehingga kini. Misalnya, penggunaan rekaan *Pantaan* masih lagi terdapat banyak digunakan dan diaplikasikan dalam reka bentuk rumah moden kini oleh masyarakat Kedayan khususnya dikawasan perkampungan. Akhir sekali, meski pun peredaran zaman telah banyak mengubah corak kehidupan manusia dan khususnya dalam reka bentuk rumah pada masa kini, namun terdapat beberapa budaya dalam konsep ruangan yang masih kekal dalam kehidupan masyarakat Kedayan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh. 1997. *Warisan Seni Bina Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia
- A Ghafar Ahmad. 2008. Pemuliharaan Bangunan warisan diMalaysia: *Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Unversiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
- Amde Sidik. 2008. *The Mystic of Borneo: Kedayan*. Bookstand Publisng Gilroy.
- Francis D.K. Ching. 1995. *Seni Bina: Bentuk, Ruang dan Tertib Susun Atur*. Van Nostrand Reinhold, New York, United State of America
- Gurupiah Mursib dan Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi. 2016. *Regionalisme Dalam Seni Bina Malaysia: Era Moden, Pascamoden dan Global*. Perpustakaan Negara Malaysia
- James H. Mc Milan. 2012. *Educational Research: Fundamentals For The Consumer*. Pearson Education Inc., Boston, United States of America.
- Mangunwijaya. 1988. *Wastu Citra: Pengantar ke Ilmu Budaya Bentuk Arsitektur Sendi-Sendi Filsafatnya Berserta Contoh-Contoh Praktis*. PT Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, Indonesia.
- Normala Othman. 2016. Sejarah dan Latar Belakang Masyarakat Kedayan. Al-hikmah. *Journal of Islamic Dakwah*.
- Shariffudin. 1970. *Makan Tahun: The Annual Feast of the Kedayans*. The Brunei Museum Journal.
- Zulkifli Hanafi. 1985. *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Unversiti Sains Malaysia.
- Zulkifli Hanafi. 1986. *Prinsip-prinsip Rekaan Seni Bina*. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Unversiti Sains Malaysia.